

ULASAN BUKU / Book Review

***Islam Hadhari Approach: Towards A progressive Islamic Civilization*
oleh Dato' Seri Abdullah Ahmad Badawi, Perdana Menteri Malaysia,
Kuala Lumpur: Jabatan Kemajuan Islam Malaysia, 2008, 308 halaman.**

Diulas oleh

WAN ABD HAMID BIN WAN TEH*

Institut Islam Hadhari, Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 Bangi, Selangor,
Malaysia

Buku ini adalah kompilasi teks ucapan Dato' Seri Abdullah Ahmad Badawi sebagai Perdana Menteri dan selaku Penggerusi Pertubuhan Persidangan Islam atau OIC, juga sebagai Penggerusi Pertubuhan Negara-negara Berkecuali atau NAM. Walau pun ucapan-ucapan ini disampaikan di dalam situasi dan audien yang pelbagai, namun idea besarnya serta temanya tetap satu, iaitu mesej Islam Hadhari yang tentunya bersifat global. Mesej ini dibentangkan di dalam pelbagai forum setempat dan antarabangsa. Ada bahagian buku dipetik daripada Ucapan Dasar Presiden di dalam Persidangan Agung UMNO, ada yang diambil daripada ucapan yang disampaikan di dalam forum di Dubai, daripada syarahan di dalam majlis *Women Institute of Management Annual Lecture* di Kuala Lumpur, ada ucapan yang disampaikan di Jeddah, ucapan yang disampaikan di Bangunan Parlimen Wellington, New Zealand, ucapan di bangunan Parlimen Canberra, Australia, ada ucapan di Berlin, Jerman, ada ucapan di dalam sidang kemuncak Islam di Jeddah, ada ucapan yang disampaikan di Persidangan Cendekiawan Islam Antarabangsa di Jakarta, ada ucapan di *United Nation University*, Tokyo, dan lain-lain lagi. Penyataan penulis ini benar-benar meletakkan beliau di persada dunia sebagai pendukung Islam yang benar-benar yakin akan mesej Islam yang syumul yang universal sifatnya.

Keberanian penulis membentangkan idea Islam sebagai instrumen pembangunan negara dan bangsa di tengah-tengah para pemimpin di dalam negara dan luar negara dengan penuh keyakinan patut dilihat sebagai luar biasa. Luar biasa sebab amalan ini belum ditunjukkan oleh mana-mana pemimpin negara di dunia. Jelasnya amat jarang pemimpin sebuah negara Islam yang mempunyai kekuatan diri untuk tampil menyampaikan sebuah perancangan pembangunan negara dengan resipi Islam sepenuhnya. Di dalam hampir semua teks ucapan ini dimuatkan sepuluh prinsip Islam Hadhari yang dimulai dengan keimanan dan ketaqwaan

*Corresponding Author: Wan Abd Hamid bin Wan Teh, Institut Islam Hadhari Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 Bangi, Selangor, Malaysia , E-mail: wanhamidwanneh@gmail.com

Diserahkan: 7 Februari 2009

Diterima: 26 April 2009

DOI: <http://dx.doi.org/10.17576/JH-2009-0101-07>

kepada Allah hinggalah kepada kekuatan pertahanan negara.

Di peringkat nasional penulis menyampaikan mandat kepada parti tonggak pemerintahan negara, iaitu UMNO di dalam Perhimpunan Agung pada 23 September 2004 bahawa Islam, orang Melayu dan UMNO tidak boleh dipisahkan. Inilah asas budaya dan identiti Melayu serta perjuangannya. Beliau menegaskan bahawa UMNO tidak pernah dan tidak akan mengamalkan sekularisme dalam perjuangannya. Perjuangan UMNO ialah untuk membawa Islam ke dalam sistem pemerintahan dan pentadbiran negara. Sebaliknya perjuangan sekularisme adalah untuk mengeluarkan agama daripada sistem pentadbiran negara.

Penegasan ini beliau merasakan perlu dinyatakan mungkin sebagai usaha menyingskap mendung yang melitupi cahaya Islam. Musuh Islam ada di mana-mana sahaja terdapat umat Islam yang jelas kelihatan berpotensi untuk membangunkan tamadun mereka dalam acuan sendiri, iaitu acuan Islam. Di Malaysia tidak mungkin tidak ada anasir ini, lebih-lebih lagi apabila semakin jelas UMNO mempergiat komitmen untuk menegakkan Islam di dalam sistem pentadbiran dan pemerintahan negara. Musuh Islam, iaitu musuh pejuangan Islam serta musuh politik UMNO berusaha menutup upaya yang bersifat keislaman yang selama ini dijalankan oleh kerajaan dan UMNO dengan dakwaan tidak ada apa-apa usaha Islam yang dijalankan oleh mereka ini (Harun Derauh & Shafie Nor 1982). Perkara begini pernah berlaku dalam sejarah Islam seperti yang dilakukan oleh para orientalis Barat dalam kerja menafikan usaha murni yang dilakukan oleh cendekiawan dan ulama dalam membina tamadun Dunia, (al-Bahi 1979). Di Malaysia dan yang lebih awal ialah di Tanah Melayu malahan umumnya di Alam Melayu, para orientalis menafikan peranan Islam dalam pembangunan umat di rantau ini. Mereka mendakwa Islam tidak membawa apa-apa unsur tamadun kepada bangsa dan negara-negara di sini. Ternyata binaan Candi Burubudur didirikan oleh Hindu, bangunan besar untuk pejabat dan rumah kediaman di sekitar Jawa dan Tanah Melayu dibina oleh Belanda dan Inggeris. Inilah dakwaan dan dakyah mereka untuk menafikan sumbangan Islam dalam usaha pembinaan tamadun di Alam Melayu (al-Attas 1984).

Prof. Dr. Syed Muhammad Naquib al-Attas dalam hal di atas memberi penegasan bahawa bukanlah pembinaan bangunan tetapi perkara yang menjadi asas bagi pembinaan bangunan itu, iaitu ilmu. Jadi hakikat yang membawa asas budaya ilmu ke rantau ini, ialah Islam, bukan Hindu atau Buddha. Semenjak awal kedatangan Islam ke sini pada abad ke 11 atau 12 Masihi serentak dengan itu semangat *iqra'* yang dibawa oleh al-Qur'an merintis penciptaan tulisan Melayu, iaitu tulisan Jawi (al-Attas 1984). Sememangnya pun sebaik sahaja mencapai kemerdekaan perkara yang awal dilaksanakan di negara ini ialah pendemokrasian pendidikan yang dinyatakan di dalam Perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu dan berikutnya Persekutuan Malaysia. Yang memberi hak kepada semua rakyat Malaysia untuk belajar di sekolah-sekolah kerajaan sekurang-kurangnya selama sembilan tahun dengan percuma tanpa apa-apa sekatan peperiksaan (Akta Pela-

jaran 1961). Ini bererti, sama ada seseorang pelajar itu lulus atau tidak dalam mana-mana peperiksaan sehingga itu. Seterusnya akta ini dipinda lagi pada tahun 1974 untuk membolehkan seseorang rakyat dapat belajar ke tingkatan lima tanpa apa-apa sekatan peperiksaan. Mafhumnya semua rakyat Malaysia berpeluang mendapat pelajaran percuma hingga ke tingkatan lima. Maknanya mereka diberi hak oleh kerajaan untuk memperoleh ilmu secara percuma di sekolah-sekolah kerajaan hingga berusia tujuh belas tahun, iaitu selama dua belas tahun. Prinsip pengilmuan masyarakat secara menyeluruh sebagai asas pembinaan peradaban ini menjadi salah satu prinsip di dalam konsep Islam Hadhari.

Buku ini menjelaskan bahawa prinsip pembangunan modal insan sebagai jentera asas perjuangan Islam terutama dalam upaya menggiatkan pertumbuhan ekonomi negara dengan pengilmuan masyarakat adalah dasar yang selari dengan kehendak Islam. Tanpa kekuatan tenaga kerja yang menjadi modal asas pembangunan, negara tidak mampu bangun sebagai negara maju dan menggerakkan rakyatnya menjadi maju, dengan nilai hadhari sifatnya. Di sinilah letaknya masalah besar yang dihadapi oleh rata-rata umat Islam di Malaysia pada dekad-dekad yang lalu. Masyarakat Melayu lebih mementingkan kehadiran di majlis-majlis bersifat pesta-pestaan daripada menghadiri majlis bersifat akademik di sekolah anak-anak mereka. Akibatnya mereka tidak mampu membesarakan anak dalam persekitaran yang mementingkan ilmu (Harun Derauh & Shafie Nor 1982). Keadaan demikian agaknya tidak banyak berubah. Ini selaras dengan pernyataan yang dibuat oleh Dr. Muhammad Sa‘id Ramadan al-Buti di dalam bukunya, *Islam Hadhari dalam Pembangunan Insan*, (al-Buti 2004) beliau merasa bertanggungjawab untuk mengemukakan pendirian Malek ben Nabi bahawa dalam kajian tentang tamadun patut dicungkil hingga ke akar umbi perkaitan antara tamadun tersebut dengan komuniti. Jadi, untuk melahirkan masyarakat dan negara yang bertamadun atau masyarakat yang hadhari sifatnya, maka pendekatan pembangunan yang mementingkan perkembangan ilmu seperti di dalam prinsip Islam Hadhari mestilah digagaskan dan dilaksanakan. Masyarakat tidak boleh dibiarkan lalai dengan falsafah hidup *hidonisme* seperti yang digambarkan di atas. Oleh yang demikian usaha membendung penularan falsafah demikian mestilah dilaksanakan secara berterusan.

Usaha menggagaskannya falsafah hidup hadhari adalah suatu langkah yang telah lama berjalan, malahan semenjak bermulanya terbentuk masyarakat Muslim di negara ini. Yang tidak ada ketegasannya ialah pembentukan instrumen pengawalan terhadap kehadiran nilai-nilai negatif yang merosakkan nilai-nilai hidup hadhari yang disemai itu. Oleh yang demikian menurut Prof. Dr. Wan Mohammad Nor Wan Daud, lawan kepada sifat hadhari bukanlah badawi tetapi nilai hidup haiwani, iaitu kehidupan di luar batas-batas akhlak (Wan Mohd Nor 2006). Jadi, prinsip *Keutuhan Budaya dan Moral* di dalam prinsip Islam Hadhari amat relevan sekali diperkujuh semenjak pendidikan awal bermula di rumah, taman-taman asuhan, sekolah rendah, menengah hingga ke pusat-pusat pengajian tinggi yang

ditunjangi dengan asas-asas ilmu dan intelektual yang benar dan sahih(Wan Mohd Nor Wan Daud 2006). Tanpa nilai budaya dan akhlak yang kukuh, akan berlaku krisis ketamadunan yang serius, iaitu berleluasanya amalan rasuah. Hal demikian ditegaskan oleh penulis di dalam ucapan beliau di Sydney Australia pada 8 April 2005 (Abdullah Ahmad Badawi 2007). Beliau membuat penegasan untuk memerangi rasuah habis-habisan sebaik sahaja memegang jawatan Perdana Menteri.

Selari dengan pemikiran ini, Dr. Nurchalis Majid sebagaimana dinukil oleh Gamal Abdul Nasir (2003) mengatakan bahawa kebangkitan intelektual di Indonesia diinspirasikan dan dibangkitkan oleh Dr. Mohammad Nasir. Beliau selaku Perdana Menteri pertama Indonesia menyepakatkan pemikiran Ibn Khaldun dan pemikiran al-Ghazali yang menyimpulkan bahawa matlamatnya adalah untuk melahirkan masyarakat yang seimbang antara jasmani dan rohani. Pemikiran tamadun Islam Ibn Khaldun dan pembangunan insan berdasarkan falsafah Islam al-Ghazali yang menjadi pegangan dasar dakwah Pak Natsir yang banyak diungkapkan di dalam bukunya yang masyhur *Capita Selekta* (Gamal Abdul Nasir 2003) banyak mempengaruhi pemikiran generasi muda Islam di Malaysia pada awal tahun-tahun tujuh puluhan. Generasi inilah yang kini menjadi individu-individu penting di dalam jentera kerajaan Malaysia.

Pak Natsir adalah tokoh besar yang membawa pemikiran penting bahawa fardu kifayah walau pun tuntutan kefarduannya akan gugur sekiranya ada sekelompok masyarakat menunaikannya, umat Islam secara umum tidak terlepas daripada tanggungjawab itu. Ini termasuk upaya menguasai ilmu-ilmu alat untuk membawa kemajuan dan ketamadunan kepada negara dan umat. Menurut beliau ilmu-ilmu inilah yang menjadi bukti bahawa Islam adalah agama yang membawa rahmat kepada seluruh alam. Sebagai contoh, ilmu sains dan matematik, adalah ilmu asas bagi imu perubatan dan teknologi (Gamal Abdul Nasir 2003) dengan segala cabang dan pecahan masing-masing. Gagasan gerakan Islam yang dipandu dengan pemikiran hadhari inilah yang menjadikan program utama pelajar-pelajar pusat pengajian tinggi di Malaysia di bawah Persatuan Kebangsaan Pelajar-pelajar Islam Malaysia (PKPIM) dengan kerjasama Bahagian Hal Ehwal Islam Jabatan Perdana Menteri (kini Jabatan Kemajuan Islam Malaysia) pada tahun-tahun tujuh puluhan. Tema-tema besar yang diseminarkan ialah sistem ekonomi Islam, sistem perundangan Islam, dasar kebudayaan kebangsaan dan pemikiran Islam. Ternyata hasilnya ialah kewujudan Bank Islam yang selepas itu lahir pula industri insuran Islam, dan kini lahir lagi sebuah lagi institusi ekonomi Islam iaitu *al-rahnu*, pajak gadai Islam.

Ternyata fakta-fakta besar yang perlu diperhatikan di dalam buku ini ialah perjuangan atau upaya yang bersungguh-sungguh untuk membawa nilai-nilai hadhari Islam ke dalam sistem pemerintahan negara. Gerakan ini bukan sekadar program penghayatan ritual Islam dalam kehidupan individu, tetapi sebuah gagasan Islamisasi sistem hidup yang lebih luas di dalam pemerintahan negara, yang bertahap dan berperingkat-peringkat yang akhirnya mencapai tahap

syumul. Pemikiran beginilah yang diberi gelar konsep hadhari dalam pemikiran Islam. Oleh yang demikian tindakan Y.B. Datuk Dr. Hassan Ali menolak gagasan Islam Hadhari atas alasan masih kedapatan pelajar lulusan sekolah rendah kerajaan yang tidak mampu membaca *do'a qunut* (Forum: Masih Relevantkah Islam Hadhari, anjuran JAKIM), adalah tidak kena dengan skema perbincangan tajuk forum. Ini adalah kerana Islam Hadhari adalah sebuah gagasan pemikiran Islam yang mengajak membuat dasar, pentadbir dan pemikir untuk menjadikan falsafah Islam sebagai asas untuk membangunkan negara. Di suatu pihak lain pula, gagasan ini juga bertujuan mengajak ahli-ahli politik untuk menjadikan Islam sebagai asas dinamisme pemikiran ketamadunan mereka dalam berpolitik. Pemikiran politik kepemimpinan menurut *al-Ahkam al-Sultaniah* (al-Mawardi t.th.) adalah instrumen untuk melindungi agama dan pengurusan kehidupan dunia yang saksama (Mahmood Zuhdi Hj. Ab. Majid 2008). Melindungi agama dalam situasi kini adalah untuk melindungi sifat dan nilai ketamadunannya yang kini sedang diancam oleh pegaruh pemikiran Barat yang dipelopori oleh gerakan orientalisme (al-Attas 1984).

Abdullah Ahmad Badawi melalui penyataannya di dalam buku ini mengajak para pemimpin Dunia beralih pandang kepada nilai-nilai Islam sebagai alternatif kepada nilai-nilai Barat yang selama ini mereka amalkan. Ternyata nilai-nilai Barat itu menghasilkan bentuk dan nilai pembangunan yang mendatangkan kerosakan kepada alam persekitaran dunia kehidupan manusia umum. Demi tuntutan kemajuan, ada kalangan ahli sains yang mencipta dan menjalankan apa-apa sahaja kegiatan mereka tanpa memberi pertimbangan keutamaan kepada keselamatan, kesihatan dan kesejahteraan manusia. Antara lain penciptaan racun serangga, racun rumpai, baja kimia, cecair pencuci, ubat-ubatan berasaskan dadah berbahaya dan lain-lain lagi yang dijalankan oleh para pengkaji tanpa mempedulikan kesan sampingan akibat bahan-bahan yang digunakan. Jadi prinsip Islam Hadhari di sini menuntut keperihatinan semua pihak terhadap keharmonian alam tabii. Penulis dapat dilihat membuat penegasan ini dengan mengajak para pemikir, pengkaji dan pengusaha di New Zealand dan Australia bekerjasama dengan Malaysia, semasa memberi ucapan di Parliment New Zealand di Wellington pada 31 Mac 2005 (Abdullah Ahmad Badawi 2007).

Buku *Islam Hadhari Aproach Towards a Progressive Islamic Civilization* memberi gambaran bahawa konsep Islam Hadhari telah berjaya menembusi pemikiran pelbagai golongan masyarakat di negara ini, serantau dan antarabangsa. Yang perlu kini ialah tindak lanjut dan langkah susulan ke atas setiap golongan yang telah dijelajahi itu dengan memberi gambaran terkini situasi di Malaysia dan penerimaannya di dalam masyarakat majmuknya, dan kesan pemahamannya di dalam masyarakat serantau serta negara-negara Islam yang menjadi sahabat seperjuangan Malaysia. Keberanian Dato' Seri Abdullah Ahmad Badawi membawa mesej ini di dalam negara yang berbilang kaum, budaya, agama dan fahaman politik, dan juga ke luar negara di dalam pelbagai forum sepatutnya diteruskan

oleh pimpinan negara yang mewarisinya. Yang terdekat kini ialah Dato' Seri Mohd. Najib Tun Abdul Razak telah menyatakan azamnya untuk meneruskan gagasan Islam Hadhari melalui Menteri Di Jabatan Perdana Menteri Dato'Seri Ahmad Zahid Hamidi. Hal ini dinyatakan oleh menteri yang berkenaan di dalam beberapa pertemuan yang dihadiri oleh penulis.

Rujukan

- Abdullah Ahmad Badawi. 2007. *Islam Hadhari Aproach Toward A Progressive Islamic Civilization*. Putrajaya: Jabatan Kemajuan Islam Malaysia.
- al-Attas, Syed Muhammad Naquib. 1984. *Islam Dalam Sejarah dan Kebudayaan Melayu*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- al-Bahi, Muhammad. 1979. *Islam diliputi Awan Mendung*. Terj. Yusuff Zaky Yacob. Kota Bharu: Pustaka Dian Sdn. Bhd.
- al-Buti, Said Ramadan. 2004. *Islam Hadhari Dalam Pembangunan Insan*. Kuala Lumpur: Yayasan Islam Hadhari.
- al-Mawardi, Abi al-Hasan Ali bin Muhammad bin Habib al-Basri al-Baghda. t.th. *Al-Ahkam al-Sultaniyyah wa al-Wilayat al-Diniyyah*. Beirut: Dar al-Kitab al-Ilmiyah.
- Gamal Abdul Nasir. 2003. *Mohammad Nasir Pendidik Ummah*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Harun Derauh & Shafie Nor (pnys.). 1982. *Mahathir Cita-cita dan Pencapaian*. Kuala Lumpur: Berita Publishing Sdn. Bhd.
- Mahmood Zuhdi Hj. Ab. Majid. 2008. *Islam Hadhari: Pendekatan Pembangunan Peradaban*. Kuala Lumpur: Yayasan Dakwah Islamiyah Malaysia.
- Wan Muhammad Nor Wan Daud. 2006. *Masyarakat Islam Hadhari: Suatu Tinjauan Epistemologi dan Kependidikan Kearah Penyatuan Pemikiran Bangsa*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.